

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian yang dijalankan seperti reka bentuk kajian, alat kajian, had kajian, subjek kajian, prosedur dan penganalisan data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian berbentuk deskriptif. Di mana penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan kaedah analisis korelasi digunakan kerana ia begitu sesuai untuk memastikan kekuatan pertalian atas perhubungan di antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain (Mohd Majid; 1990), Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pembolehubah utama iaitu konsep sendiri dengan persekitaran keluarga.

3.3 Alat Kajian

Alat kajian atau pengukuran yang akan digunakan dalam kajian ilmiah ini ialah ujian jenis 'Tennessee Self-Concept Scale' (TSCS) yang telah dibentuk oleh

Fitts pada tahun 1965. Di mana, dalam kajian ini ada tiga bahagian soal selidik yang digunakan iaitu:

Bahagian A: Maklumat Diri

Dalam bahagian ini pengkaji telah membentuk soal selidik untuk mendapatkan data-data berkaitan dengan latar belakang pelajar iaitu termasuklah jantina, umur, taraf perkahwinan keluarga dan status sosio-ekonomi keluarga.

Bahagian B: Skala Konsep Kendiri Tennessee (TSCS).

Fitts, telah membentuk 'Tennessee Self-Concept Scale' pada 1995. Alat pengukuran ini telah banyak digunakan di negara barat. Di antaranya termasuklah dalam kajian-kajian yang dibuat oleh Cary dan Laurel (1979), Lian (1988), Colangelo, Kelly dan Scharepfer (1987), Haynes (1990) dan Laitinen dan Kaliopuska (1991). Manakala pengkaji di Malaysia yang menggunakan 'Tennessee Self-Concept Scale' di antaranya ialah Ch'ng (1976) Chiam (1976), Choo (1982) dan Maizan Abdillah (1987)

'Tennessee Self-Concept Scale' ini mengandungi 50 item yang dibahagikan kepada lima dimensi sendiri iaitu sendiri keluarga, sendiri fizikal, sendiri sosial dan sendiri moral - etika. Setiap dimensi ini terdiri sepuluh item. Lima daripada item mengukur sendiri negatif kecuali sendiri fizikal yang mempunyai enam item positif

dan empat item negatif. Item-item dalam inventori ini adalah berbentuk tertutup.

Responden diberi lima pilihan jawapan iaitu:

1. Sangat tidak benar
2. Tidak benar
3. Ada benar dan tidak benar
4. Benar
5. Sangat benar

Tindakan subjek kajian ini bergantung kepada kefahaman dan sejauh mana mereka bersetuju atau tidak dengan kenyataan yang telah disenaraikan. Dari segi pemberian markah, lima markah akan diberi bagi gerak balas yang sangat benar dalam item-item positif dan satu markah akan diberi kepada gerak balas yang tidak benar. Nilai markah yang akan diberikan kepada item-item yang negatif ialah bagi gerak balas sangat benar satu markah dan markah lima untuk gerak balas tidak benar.

Item-item positif dan negatif dirumuskan dalam jadual 1.

Jadual 1
Struktur TSCS

Dimensi Kendiri	Positif	Negatif
Keluarga	7, 8, 18, 31, 44	20, 21, 33, 45, 46
Peribadi	11, 16, 19, 29, 42	3, 23, 30, 43, 50
Fizikal	1, 2, 13, 24, 25 36	14, 26, 37, 38
Sosial	5, 6, 10, 32, 34	9. 22, 35, 47, 48
Moral - Etika	4, 15, 27, 39, 49	12, 17, 28, 40, 41

Bagi menentukan kedudukan responden sama ada tinggi atau rendah, skor min bagi keseluruhan skor akan digunakan. Di mana skor melebihi min 164 akan menunjukkan konsep sendiri responden yang tinggi dan skor yang tidak mencapai min 164 menunjukkan konsep sendiri subjek kajian yang rendah.

3.1.1 Keesahan dan kebolehpercayaan TSCS

Keesahan

Keesahan amat diperlukan dalam sesuatu alat pengukuran. Ianya mustahak untuk menentukan sama ada alat tersebut sebenarnya boleh mengukur apa yang sepatutnya diukur (Tuckman, 1978). Alat ujian TSCS yang digunakan dalam kajian ini telah diuji keesahannya oleh Fitts (1965). Di antara ujian keesahan yang telah dijalankan ialah membandingkan skor TSCS dengan alat-alat ukuran lain yang berkenaan. Keputusan ujian terdapat korelasi antara TSCS dengan alat-alat tersebut dan ia telah membuktikan keesahan TSCS. Alat-alat tersebut termasuklah 'Minnesota Preference Personality Inventory' ($r = +.20$), $p < .05$). Edwards Personal Measure' ($r = .24$, $p < .05$)

Untuk kegunaan kajian ilmiah tempatan, TSCS telah diubah suai dan keesahan alatnya telah pun dihasilkan berpandukan sumber kajian Chiam (1978), melalui ujian yang telah dijalankan ke atas 399 orang pelajar. 'loading' terhadap lapan faktor digunakan untuk mengukur konsep sendiri dalam 'Tennessee Self-Concept Scale' kepada hasil ujian ke atas TSCS didapati menunjukkan keesahan yang mencukupi, untuk mengukur konsep sendiri.

Kebolehpercayaan.

Menurut Cates (1985) kebolehpercayaan merupakan ketebalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara. Beberapa kajian berhubung dengan kebolehpercayaan TSCS telah dijalankan sebelum daripada ini. Umpamanya, Marran dan Stockton (1980) telah mendapati nilai kebolehpercayaan TSCS ialah 0.92 merupakan satu nilai yang amat tinggi. Hasil yang sama turut dibuktikan Colangelo et. al. (1987) dengan menggunakan kaedah uji dan uji semula, di mana mereka telah memperolehi nilai kebolehpercayaan di antara 0.80 dan 0.92.

Manakala Kamariah (1984), menghasilkan nilai kebolehpercayaan 'Tennessee Self-Concept Scale' bagi populasi yang dikaji ke atas pelajar ITM seramai 40 orang menerusi ujian rintis. Pelajar terlibat telah diberikan satu set soal selidik yang mengandungi 50 soalan (TSCS). Teknik digunakan ialah kaedah bahagi dua (split - half reliability), di mana hasil yang diperolehi telah menunjukkan item-item dalam keseluruhan TSCS mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik (0.66).

Bahagian C: Inventori Communication Exercise For Teenagers (CET)

Tahap-tahap komunikasi ibubapa - anak akan diukur dengan menggunakan instrumen CET oleh Bienvenu (1969). Alat ukuran ini mengandungi 40 item soalan yang telah dibahagi kepada dua iaitu 20 item soalan untuk mengukur komunikasi ibu - anak, manakala 20 item lagi digunakan untuk mengukur komunikasi bapa - anak. Daripada 20 item itu, 10 item berkenaan dengan komunikasi lisan dan 10 item lagi berbentuk tulisan. Di mana 8 daripadanya ialah item positif dan dua item lagi adalah negatif.

Setiap soalan yang diajukan akan diberi lima anika pilihan iaitu:

1. Sangat tidak bersetuju
2. Tidak bersetuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat bersetuju

Dari segi pemberian markah, item yang berbentuk positif, gerak balas bagi kenyataan sangat setuju akan diberi lima markah dan kenyataan tidak setuju diberi satu markah. Bagi kenyataan yang negatif gerak balas bagi kenyataan sangat setuju diberi satu markah dan sangat tidak setuju diberi lima markah.

Item-item yang positif dan negatif dirumuskan dalam jadual 2.

Jadual 2
Struktur CET

Komunikasi	Positif	Negatif
Komunikasi ibu - anak	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 14, 15, 17, 19, 20	10, 12, 13, 18
Komunikasi bapa - anak	1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10 12, 15, 16, 17, 18, 19, 20	5, 11, 13, 14

Kebolehpercayaan CET

Hasnah (1990) telah menjalankan kajian kebolehpercayaan 'Inventori Communication Exercise For Teenagers (CET)'. Hasil dari kajiannya mendapati soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86.

3.4 Skop dan Had Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini terbatas kepada pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai, Selangor. Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar tahun 5 dan tahun 6.

3.5 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 201 orang murid dari sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai, Selangor. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada 102 orang pelajar lelaki dan 99 orang pelajar perempuan. Di mana, subjek ini akan dibahagikan kepada dua tahap iaitu:

1. Pelajar-pelajar tahun 5 (11 tahun).
2. Pelajar-pelajar tahun 6 (12 tahun)

3.6. Tatacara Kajian.

Pengkaji akan meminta kebenaran daripada pihak Universiti Malaya dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor untuk mendapatkan kerjasama daripada semua Guru Besar di sekolah-sekolah Kebangsaan Batang Berjuntai untuk membuat kajian di sekolah-sekolah mereka. Pengkaji akan dibantu Guru Penolong Kanan dan Guru Kelas untuk mengedarkan borang soal selidik yang telah disediakan. Borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden akan dikumpulkan dan seterusnya data-data dalam borang soal selidik akan dianalisa dengan cermat dengan menggunakan komputer.

3.7 Penganalisan Data

Kajian ini merupakan kajian 'purposive'. Dalam penganalisan data, pengkaji akan menggunakan analisis regresi dan ujian Anova. Dalam hipotesis 1 hingga hipotesis 3, pengkaji menggunakan analisis regresi untuk melihat korelasi di antara dua pembolehubah. Manakala hipotesis 4 dan 5 pengkaji menggunakan Anova untuk melihat perbezaan antara pembolehubah.